

UPM bimbing pelajar teknik tanam sayur organik

PENSYARAH Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menganjurkan kursus teknik penanaman sayur-sayuran secara organik yang disertai kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun.

Pengarah Kursus Siri 2017, **Dr. Daljit Singh Karam** berkata, beliau melihat respons positif daripada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak mengenai pentingnya aktiviti luar dari rumah dan bilik darjah yang memberi kesedaran kepada mereka mengenai pentingnya pertanian.

"Apa yang lebih membanggakan kami, ada juga ibu bapa turut serta dalam aktiviti-aktiviti di ladang organik ini. Menerusi program sebegini, mereka dapat mengetahui gambaran sebenar mengenai

pertanian secara organik dan pentingnya mengambil makanan secara sihat," katanya.

Penasihat Unit Organik, Fakulti Pertanian UPM, **Datin Dr. Rosenani Abu Bakar** menambah, penganjuran kali ketiga itu bertujuan

memupuk minat dan memberi kesedaran kepada kanak-kanak seawal umur lima tahun mengenai penanaman dan penghasilan sayur-sayuran sihat dan berkualiti secara organik dan kecil-kecilan di kawasan rumah.

"Antara aktiviti kursus adalah penuaian dan pengendalian sayur-sayuran serta penanaman pokok di batas yang dibina menggunakan bahan kitaran semula. Selain itu, aktiviti yang terbaharu ialah penanaman sayur-sayuran dalam bakul hiasan yang boleh digunakan sebagai hadiah," katanya.

Kursus organik kanak-kanak itu diakhiri dengan aktiviti mewarna. Mereka menggunakan imaginasi untuk melukis panorama kawasan ladang organik, melengkapkan

lukisan dengan imej-imej kolaj berunsurkan pertanian organik dan kemudian berkongsi serta bercerita mengenai lukisan tersebut

Bapa kepada peserta kursus, **Muhamad Shah Osmin**, berkata, dia tertarik menghantar anaknya ke kursus itu kerana ingin memberi peluang kepada anaknya mempelajari teknik penanaman dan penjagaan sayur-sayuran secara khusus.

"Saya juga secara langsung dapat berkenalan dengan beberapa pakar pertanian UPM," katanya.

Seorang bapa, **Syed Abdul Bari Syed Othman** dari Pulau Pinang berkata, dia sangat teruja untuk menghantar anak-anaknya menyertai program itu.

"Saya memulakan perjalanan seawal pukul 3 pagi dari Pulau

Pinang, semata-mata untuk memastikan anak-anak dapat menyertai program penanaman organik kerana bilangan penyertaannya adalah terhad," katanya.

Unit Organik, Fakulti Pertanian, UPM ditubuhkan pada 2013 oleh Rosenani dan Dr. Siti Hajar

Ahmad.

Penanaman secara organik bukan hanya sekadar bebas baja kimia dan racun perosak, malahan keseluruhan pembentukan serta penjagaan ladang organik perlu mengikut piawaian *MyOrganic* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.

SEBAHAGIAN peserta teruja menyertai kursus penanaman sayur secara organik di Serdang, Selangor baru-baru ini.

